

Bahasa Melayu kekal bahasa utama bicara di mahkamah

Kuala Lumpur: Bahasa Melayu masih menjadi bahasa utama yang digunakan dalam perbicaraan di mahkamah selaras Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan kecuali bagi keperluan saksi yang tidak fasih berbahasa kebangsaan.

Rakan kongsi firma guaman Sujaihah Mida Azmi & Co, Zuriatul Mida Nor Azmi, berkata penggunaan bahasa Inggeris, termasuk oleh saksi pakar dalam sesuatu bidang hanya dibenarkan dengan kebenaran mahkamah.

“Adakalanya saksi yang dipanggil untuk bicara sesuatu kes tidak memahami bahasa Melayu menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris diguna-

kan dengan kebenaran mahkamah bagi memudahkan perbicaraan kes.

“Sungguhpun begitu, pengu-rusan kes dan penentuan hari perbicaraan atau pemfailan dokumen masih dikendalikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya meskipun kebanyakan kes yang dirujuk, terutama dari England ditulis dalam bahasa Inggeris,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Adzis Abas mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah yang diibaratkan umpama melepaskan batuk di tangga.

Abdul Adzis dilaporkan berkata, walaupun kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperuntukkan secara jelas di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, penggunaannya di mahkamah masih tidak memuaskan kerana dicemari dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Jamin kelancaran bicara

Zuriatul Mida berkata, penggunaan bahasa Melayu sangat ditekankan di mahkamah bagaimanapun ada situasi tertentu yang memerlukan bahasa lain digunakan bagi melancarkan perbicaraan.

“Bukan sahaja penggunaan bahasa Inggeris, malah bahasa

Cina, Tamil dan sebagainya turut digunakan sekiranya ia membabitkan saksi yang tidak fasih berbahasa Melayu,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop, berkata bahasa Melayu digunakan secara meluas di mahkamah rendah, terutama di Mahkamah Syariah, berdasarkan kajian peringkat sarjana dan doktor falsafah jabatannya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pada peringkat mahkamah tinggi, penggunaan bahasanya bercampur antara bahasa Melayu dan Inggeris.